



4 Februari 2015  
4 February 2015  
P.U. (A) 16

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD  
(PENGEQUALIAN) 2015

*PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD  
(EXEMPTION) ORDER 2015*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD 2001

PERINTAH PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD  
(PENGECUALIAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 19 Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 [*Akta 612*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (Pengecualian) 2015**.

**Pengecualian levi**

2. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), mana-mana majikan yang telah mendaftar dengan Perbadanan dalam tempoh dari 1 Jun 2014 hingga 30 November 2014 dikecualikan daripada membayar apa-apa tunggakan levi yang dinyatakan dalam seksyen 14 Akta berkenaan dengan setiap pekerjaanya.

(2) Pengecualian yang disebut dalam subperenggan (1)—

(a) terpakai bagi majikan yang—

(i) dikehendaki untuk mendaftar dengan Perbadanan di bawah seksyen 13 Akta tetapi tidak berbuat demikian sebelum 1 Jun 2014; dan

(ii) terlibat dalam mana-mana industri dalam sektor perkilangan atau sektor perkhidmatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Pertama kepada Akta setakat 20 April 2014 sebelum Perintah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (Pindaan Jadual Pertama) 2014 [*P.U. (A) 110/2014*] mula berkuat kuasa; dan